

## Karnival Kokurikulum UMS-KAL meriah

LABUAN: Karnival Kokurikulum Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) Semester Dua Sesi 2011/2012 disambut dengan penuh kemeriahan daripada masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis perasmian karnival kokurikulum itu dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS, Prof Madya Abdul Jamal Abd Hamid di Dewan Utama UMS-KAL, malam kelmarin.

Hadir sama isteri beliau, Salmah Samat Jamil, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan PKPP, Azmi Jumat, Penolong Pendaftar PKPP UMS-KAL, Mohd Fadzli Sarudi dan Pengarah Program, Tan Wei Yang.

Karnival anjuran PKPP UMS-KAL itu diserikan lagi dengan pertandingan tarian Sabah dan Sarawak, Bollywood dan muzik moden, karaoke, Hakka, pameran kursus kokurikulum dan pertandingan Unduk Ngadau PKPP 2012.

Dalam ucapannya, Abdul Jamal berkata karnival kokurikulum merupakan aktiviti terbesar dan kemuncak untuk kursus pembelajaran kokurikulum setiap semester.

Katanya, pelaksanaan karnival ini memberi peluang kepada semua pelajar yang mengambil kursus kokurikulum dan empat komponen yang berbeza untuk menunjukkan output pembelajaran mereka secara amali melalui persembahan, pameran dan pertandin-

gan. NST 03-06-2012 8

Beliau berkata penglibatan semua pelajar kokurikulum dalam karnival ini adalah wajib dan penilaian akan dibuat oleh semua tenaga pengajar dan pegawai yang terbabit.

"Bakat dan potensi pelajar dapat digilap dan dicungkil melalui pelaksanaan kokurikulum. Pencernaan soft skills pelajar juga dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi sekaligus mengharumkan nama UMS," katanya.

Antara objektif penganjuran karnival itu ialah menilai bakat dan potensi pelajar, membimbing dan mengenal pasti kebolehan pelajar dalam menganjurkan sebarang program serta menonjolkan hasil daripada pembelajaran secara amali melalui pertandingan, persembahan dan pameran.

Abdul Jamal tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan terutama sekolah menengah yang menyertai pertandingan anjuran Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar.

Katanya, penyertaan dan pembabitan pelajar sekolah menengah itu membuktikan wujudnya hubungan dua hala antara universiti dengan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau yakin pembabitan awal pelajar sekolah menengah itu akan menaikkan semangat mereka untuk belajar bersungguh-sungguh sebelum mereka menjejakkan kaki ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IP-



KENANGAN ... Ahli Jawatankuasa Pelaksana Karnival Kokurikulum UMS-KAL Semester Dua Sesi 2011/2012 merkamkan gambar kenangan dengan tetamu kehormat.

TA).

"Selain penganjuran karnival itu untuk pelajar UMS-KAL, ianya juga membabitkan pelajar sekolah menengah di Wilayah Perseku-

tuan Labuan yang bakal melanjutkan pelajaran mereka ke menara gading," katanya. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@news-abahtimes.com.my)